

Headline	Asah minda keusahawanan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	10 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	138,805
Page No	V10	Readership	1,048,000
Language	Malay	ArticleSize	283 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,581
Frequency	Daily	PR Value	RM 28,743



## Asah minda keusahawanan

**Durian Tunggal:** Lab Minda Keusahawanan Pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) anjuran Pusat Pembangunan Ke-

usahawanan dan Pembelajaran Berterusan (PPKPB), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) berjaya menerapkan nilai keusa-

hawan dalam kalangan mahasiswa.

Pengarah PPKPB, Prof Dr Khairul Baharein Mohd Noor, berkata program

membabitkan lebih 100 peserta terdiri daripada beberapa IPT di Melaka itu amat berkesan dalam usaha memupuk minat

pelajar IPT menceburi bidang perniagaan.

Katanya, objektif program yang diringkaskan kepada 5K iaitu memupuk dan membudayakan Keusahawanan, Kemahiran menyelesaikan masalah, Kerja berpasukan, Kepimpinan dan Komunikasi tercapai.

Selain UTeM, IPT yang menyertai program seharian itu ialah Kolej Komuniti Bukit Beruang dan Universiti Teknologi MARA.

Sementara itu, Pensyarah Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan (FPTT) UTeM, Isma Addi Jumbri, berkata dalam program seharian itu, peserta diberi tugas untuk menjalankan aktiviti perniagaan sebenar dan hasil jualan tertinggi diiktiraf sebagai pemenang.

Beliau yang juga Ketua Fasilitator program itu berkata, peserta ditempatkan di Banda Hilir yang menjadi tempat tumpuan pelancong di Melaka dalam menyelesaikan tugas diberi.



**Peserta Lab Minda Keusahawanan IPTA Melaka bergambar kenangan pada akhir program.**

### Tugasan perniagaan

Program seharian itu dirasmikan oleh Ketua Penolong Setiausaha Kanan, Bahagian Perancangan Penyelidikan dan Penyelaras Dasar, Unit Keusahawanan KPM, Datin Dr Syahira Hamidon manakala perasmian penutup disempurnakan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), UTeM, Prof Madya Dr Izaidin Abdul Majid.